



KAMI JUARA... Skvad UNIMAS meraikan kejuaraan sambil diiringi oleh Pengurus CGU Insurance Berhad, John Ng (kiri sekali).

• SCOTT APOI

Liga Boling Korporat Insurans CGU

UNIMAS muncul juara

UNIVERSITI Malaysia Sarawak (UNIMAS) muncul juara Kejohanan Liga Boling Korporat Insurans CGU yang berlangsung di Riverside Superbowl baru-baru ini.

Selepas 15 minggu berhempas-pulas menghadapi cabaran 16 buah pasukan, UNIMAS akhirnya berupaya menjatuhkan 33,500 pin sekali gus meraih 547 mata untuk meraih ganjaran RM3,000, Piala CGU dan pingat.

Manakala tempat kedua disandang oleh pasukan SESCO yang hanya ketinggalan 0.36 mata. Mereka melakukan 33,714 jatuhan pin dan membawa pulangan wang tunai RM1,500, trofi dan

pingat.

Tempat ketiga pula dimenangi oleh pasukan JPN Setia (Jabatan Pendaftaran Negara) dan pasukan Bank Utama meraih tempat keempat.

JPN menjatuhkan 33,236 pin untuk meraih mata 531.86 dan membawa pulang RM1,000, trofi dan pingat, manakala Bank Utama memenangi RM500, trofi dan pingat dengan jatuhan pin 32,892 untuk meraih 505.92 mata.

Dalam acara individu menyaksikan Daniel Lim dari SESCO muncul juara dengan jatuhan 244 pin, manakala Somasundram dari Toko Elektronik menduduki tempat kedua dengan jatuhan 243 pin.